


Maklumat Komoditi : Ciku

Maklumat Umum

Asal : **Ciku** merupakan sejenis buah tropika yang berasal dari Amerika Tengah.

Pokok ciku didapati ditanam di hampir semua negeri-negeri di kawasan tropika seperti India, Afrika, Kepulauan Indies, Filipina, Malaysia, kawasan tropika dan *sub-tropika Amerika*. Buah ciku boleh diproses kepada beberapa jenis hasil yang berpotensi untuk dikomersialkan. Buah yang baru dipetik akan mengeluarkan getah berwarna putih. Buah yang cukup masak berkulit perang kemerahan, berbau harum dan rasanya manis.



Rajah 1 : Contoh Buah Ciku

Kawasan Utama Tanaman : Negeri-negeri utama penanaman ciku di Malaysia ialah Terengganu, Pahang, Perak, Johor dan Melaka.
Kegunaan : Biasanya buah ciku enak dimakan segar dan merupakan buah yang berkhasiat.

Kesesuaian Tanaman

Pokok Pokok bersaiz sederhana besar, berbentuk piramid semasa kecil, rendang serta membulat apabila matang. Ketinggian boleh mencapai sehingga lebih 10 meter. Kada pembesaran pokok agak perlahan tetapi boleh hidup lama dengan pengeluaran hasil yang memuaskan. Mempunyai akar tunjang jika bahan tanaman ditanam daripada biji benih. Anak pokok yang ditanam melalui pembiakan tut tidak mempunyai akar tunjang.

1. Buah Berbentuk bulat atau bujur bergantung pada jenis klon. **Saiz buah matang** adalah antara 5-6 cm panjang dan lebar 4-6 cm. Purata berat sebiji di antara 80 gm - 120 gm. Kulit buah nipis, berkeadaan kesat, bersisik dan berwarna perang. *Buah yang belum* masak berkeadaan keras, bergetah dan rasanya kelat disebabkan oleh kandungan tannin. Buah yang matang dipetik dan perlu diperam selama 3-5 hari supaya masak.

Buah yang baru dipetik akan mengeluarkan getah berwarna putih. Buah yang cukup masak berkulit perang kemerahan, berbau harum dan rasanya manis.

Penyediaan Tanah

1. Penyediaan Tanah - Ciku

Pengairan Dan Saliran

1. Pengairan dan Saliran - Ciku

Sistem Penanaman

Tiada Rekod Ditemui

Sistem Pembajaan

Sistem Pembajaan - Ciku

Penuaian

Sistem Penuaian - Ciku

Varieti

Bil.	Varieti
1	Subang
2	Betawi
3	Jantung
4	Mega
5	C4
6	C30 Liew Kiow
7	C41
8	C47
9	C51 Nonya Cheng
10	C 53 Ciku N. Sembilan
11	C54 Ciku Bentong
12	C55 Ciku Kelantan
13	C56 Ciku Sawa
14	C57
15	C58
16	C59
17	C60
18	C65 Raja
19	C66 Kerasoi
20	C67 Ampang Tinggi
21	C68 Kampuchea

